

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: UTUSAN MALAYSIA (UTUSAN KOTA)

TARIKH: 09 MAC 2018

MUKA SURAT: 26



HALIMATON SAADIAH BOHAN menunjukkan bumbung rumah penghuni yang rosak selepas dipukul ribut semasa lawatan ke Flat Gugusan Semarak, Seksyen 4, Kota Damansara, Petaling Jaya, Selangor, baru-baru ini.

Warga Flat Gugusan Semarak gembira bumbung dibaik pulih

PETALING JAYA 8 Mac - Penduduk Flat Gugusan Semarak, Kota Damansara, di sini menzahirkan rasa syukur dan gembira apabila Kementerian Ke-sejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) memperuntukkan sebanyak RM350,000 bagi membaik pulih bumbung kediaman perumahan mereka.

Seorang penghuni, **Nuraida Mat Aqib**, 40 berkata, peruntukan itu ibarat 'durian runtuh' kepada penduduk yang semanganya memerlukan bantuan berkenaan untuk menggantikan bumbung kediaman mereka

yang rosak.

Katanya, penduduk bimbang setiap kali hujan yang disertai ribut akan menerbangkan bumbung kediaman mereka.

"Terima kasih atas keprihatinan dan usaha kerajaan Pusat membantu mengatasi masalah penduduk di sini," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Seorang lagi penduduk **Yurni Arif**, 40, pula menyifatkan peruntukan itu menamatkan kes-



YURNI ARIF

engsaraan dihadapi penduduk selama ini.

"Saya harap kerja-kerja membaiki bumbung rosak dapat disegerakan untuk keselesaan penduduk," katanya.

Dalam pada itu, Pengerusi Badan Pengurusan Bersama (JMB), Mohd. Rafi Abdul Latif

berkata, dia menyambut baik pengumuman peruntukan terbabit dan sedia bekerjasama bagi memastikan sepanjang kerja-kerja baik pulih bumbung berjalan lan-

car.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kota Damansara, Datuk Halimaton Saadiah Bohan berkata, peruntukan membaik pulih bumbung berusia 16 tahun itu disalurkan oleh kerajaan selepas mengambil kira kejadian ribut yang kerap berlaku di kawasan perumahan itu.

Dalam kejadian pada kira-kira pukul 4.30 petang baru-baru ini, kira-kira 10 unit rumah di tingkat paling atas mengalami kerosakan bumbung selepas dipukul ribut sehingga kediaman dimasuki air hujan.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN